



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 27 Oktober 2022

PEKELILING AKADEMIK BIL. 37/2022

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELEPASAN KEPADA PELAJAR UNTUK PULANG MENGUNDI BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, Pilihan Raya Umum Ke-15 telah ditetapkan pada 19 November 2022 (Sabtu). Justeru itu, pihak Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan kepada semua pelajar pada 17 hingga 21 November 2022 untuk pulang mengundi. Keputusan ini selaras dengan keputusan pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang berlandaskan kepada semangat serta penguatkuasaan Undi18.

3. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan sebarang bentuk penilaian pada tempoh yang berkenaan adalah ditangguhkan atau diadakan ke suatu tarikh yang lain.

Perhatian dan tindakan segera pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./ Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri, dan Masyarakat), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori